

## Pengamanahan dalam Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam Trust in Planning and Management of Islamic Property

NOOR LIZZA MOHAMED SAID  
WAN AMIRUL ADLI WAN AYUB  
MOHD ZAMRO MUDA  
ADNAN MOHAMED YUSOFF  
MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

### ABSTRAK

*Kemunculan produk amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam dikatakan sebagai instrumen yang boleh mengatasi masalah dalam isu berkaitan harta pusaka. Mengamanahkan pihak lain untuk mengurus harta sama ada semasa hidup atau selepas kematian merupakan bentuk pengamanahan yang diamalkan oleh masyarakat Islam pada hari ini. Dalam perundangan Islam terdapat pelbagai bentuk pengamanahan sama ada disandarkan kepada keadaan sebelum atau selepas kematian. Kedua-dua situasi tersebut mempunyai konsep pengamanahan yang berbeza yang menghasilkan natijah hukum berbeza. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji konsep amanah yang sesuai yang boleh diaplikasikan sebagai instrumen pengurusan harta amanah orang Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Hasil kajian mendapati terdapat dua konsep amanah dalam Islam yang boleh dijadikan instrumen amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam iaitu wakālah dan wiṣōyah. Kedua-dua konsep ini mempunyai rukun dan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi bagi membolehkan akad berkuat kuasa. Penggubalan undang-undang berkaitan produk amanah harta orang Islam perlulah dibuat secara lebih terperinci oleh pihak yang berautoriti sebagai panduan pihak industri dalam menawarkan produk berkaitan amanah harta orang Islam.*

*Kata kunci:* Amanah; Perancangan; Pengurusan; Harta; Produk

### ABSTRACT

*The emergence of trust products in Islamic property's planning and management industry is said to be an instrument that can overcome problems that arise from issues related to inheritance. Trusting other parties to manage the property whether he or she is still alive or after death is one form of trust that has been practiced by the Islamic society nowadays. According to Islamic law, there are various forms of trust either it is justified by the situation before or after death. Both situations have different concept of trust which in the end, will produce different legal results. Therefore, the purpose of this research is to study a suitable concept of trust that is applicable as an instrument of Islamic property management. This research is a qualitative research using content analysis as the design of the research. The research outcomes conclude that there are two concepts of trust in Islam that can act as trust instrument in planning and management of Islamic property which is wakālah and wiṣōyah. Both concepts have certain terms that needs to be fulfilled to enable contract enforcement. The law legislation related to trust of Islamic property must be conducted in detail by the authority as a guidance to the industry in providing products related to the trust of Islamic property.*

*Keywords:* Trust; Planning; Management; Property; Product

### PENGENALAN

Kemunculan produk-produk amanah dalam industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam dikatakan menjadi salah satu jalan penyelesaian dan alternatif yang terbaik kepada permasalahan yang melanda masyarakat Islam Malaysia selain dari instrument hibah (Noor Lizza, Mohd Ridzuan & Amir Husin 2012) terutama dalam isu berkaitan harta pusaka. Pelaksanaan amanah sebagai instrumen

pengurusan harta mampu mengelak harta daripada menjadi beku apabila terpaksa melalui prosedur pengurusan yang merumitkan serta kos yang tinggi.

Mengamanahkan kepada pihak lain sama ada individu atau agensi untuk menguruskan sesuatu urusan sama ada ketika hidup atau urusannya selepas kematian merupakan bentuk-bentuk amanah yang diamalkan oleh masyarakat hari ini. Umumnya pembentukan amanah melibatkan pelantikan pemegang amanah yang bertanggungjawab untuk

melaksanakan urusan amanah berdasarkan syarat dan persetujuan pembuat amanah. Undang-undang sivil telah mengiktiraf konsep amanah terpakai ke atas masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia dan boleh dikuatkuasakan ke atas *settlor* atau harta amanahnya tanpa mengira bentuk pengamanahan semasa hidup atau selepas kematian (Akmal Hidayah 2017). Namun, kewujudan akta berkaitan amanah pada hari ini tidak boleh dijadikan garis panduan untuk membicarakan peraturan-peraturan berkaitan harta amanah orang Islam (Abdullah Muhamad 2006). Hal ini kerana akta tersebut digubal berdasarkan konsep perundangan Inggeris dan ia bersifat terlalu umum untuk dijadikan rujukan dalam menghasilkan produk yang berlandaskan syariah.

Dalam perundangan Islam, amanah wujud dalam pelbagai bentuk dan penggunaan yang meluas. Ia tidak mempunyai terma tertentu yang dibicarakan oleh para fuqaha dalam satu perbincangan yang khusus. Konsep amanah dalam Islam boleh wujud kesan daripada pembentukan akad sama ada disandarkan kepada sebelum atau selepas kematian bergantung kepada konsep yang diaplikasikan. Hal ini menimbulkan hukum yang berbeza bergantung kepada situasi amanah yang dibentuk. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep pengamanahan dalam perundangan Islam dan mengenal pasti bentuk-bentuk pengamanahan yang boleh diaplikasikan sebagai instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam.

## KONSEP AMANAH

Amanah atau harta amanah secara ringkasnya bermaksud seorang pemegang amanah yang memegang harta amanah bagi faedah orang tertentu (Ahmad Hidayat Buang 2006). Daripada kenyataan ini dapat difahami bahawa amanah bukanlah sifat peribadi seseorang semata-mata bahkan ia boleh wujud dalam bentuk kontrak yang mengikat kedua-dua pihak untuk saling menjaga kepentingan masing-masing berdasarkan apa yang telah dipersetujui. Kontrak amanah lebih kepada kontrak yang bersifat pertolongan pada asalnya di mana seseorang meminta individu lain mentadbir urusannya tertentu tanpa ada balasan. Pegangan harta amanah boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada harta alih mahupun harta tak alih, berubah atau tidak. Pengertian amanah yang lebih tepat boleh dilihat melalui kenyataan yang dikemukakan oleh Lewin yang telah dirujuk oleh May J dalam kes *Re Scott* [1903] 1 Ch 1 (Nasrul Hisyam 2011):

the word trusts refer to the duty or aggregate of obligations that rest upon a person described as trustee. The responsibilities are in relation to the property held by him or under his control. That property he will be compelled by a court in its equitable jurisdiction to administer in the manner lawfully prescribed by the trust instrument or in the absence of such instrument in accordance with equitable principles. The administration will be in such a manner that all benefits accrue to the beneficiary and not the trustee. If there are no beneficiaries then for a purpose that the law will recognize and enforce. Sometimes a trustee may be a beneficiary in which case the benefits will accrue to him to the extent of his beneficial interest

Daripada kenyataan ini boleh dirumuskan bahawa amanah adalah satu instrumen pengurusan harta yang diiktiraf oleh undang-undang di mana satu tanggungjawab dibentuk kemudian diberikan kepada seseorang yang dikenali sebagai pemegang amanah untuk mengurus tadbir harta pembuat amanah. Istilah tanggungjawab memberi pengertian bahawa pegangan seorang pemegang amanah tidak menyebabkan harta berpindah milik kepadanya bahkan ia adalah milik penerima manfaat atau *beneficiary*.

Pembentukan akad amanah seperti ini merupakan adaptasi daripada perundangan sivil melalui penghakiman Hashim Yeop Sani J dalam kes *Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd. lwn. Kim Guan & Co. Sdn. Bhd.* [1979] 1 MLJ 182 yang merangkumi beberapa elemen yang perlu ada bagi membentuk amanah secara sah iaitu (Nasrul Hisyam 2011; Haji Salleh Buang 2006):

1. Pihak yang membuat amanah
2. Pemegang atau penerima amanah
3. Pihak yang mendapat manfaat harta amanah
4. Harta amanah
5. Arahan yang dinyatakan dalam amanah

Ringkasnya, kesemua elemen ini perlu ada bagi membolehkan amanah dibentuk dan diiktiraf secara sah mengikut undang-undang. Tuntutan memenuhi kesemua elemen ini membuktikan bahawa amanah merupakan salah satu bentuk kontrak sivil yang mempunyai kekuatan perundangan sekiranya dilaksanakan menepati seperti yang diperuntukkan.

## AMANAH DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA

Di Malaysia pembentukan amanah terikat dengan beberapa peruntukan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Perbadanan Awam 1995, Kanun Tanah Negara 1965 dan lain-lain akta dan Enakmen Negeri yang berkaitan (Nurul Huda

Abdullah 2012). Setiap isu berbangkit berkaitan amanah dan harta amanah adalah terletak di bawah Senarai Persekutuan, Perlembagaan Malaysia yang memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Sivil untuk membicarakan hal-hal berkaitan amanah.

Peruntukan amanah juga diperuntukan dalam Senarai 2 Senarai Negeri, Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan yang menyebut secara umum berkaitan amanah secara tidak langsung memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes berkaitan amanah orang Islam. Keadaan ini menimbulkan persoalan mahkamah manakah yang kompeten untuk mengendalikan kes amanah orang Islam (Akmal Hidayah Halim, Tajul Aris Ahmad Bustami 2017).

Hal ini penting bagi mengelak isu pertindihan bidang kuasa di antara kedua-dua institusi penghakiman tersebut sebagaimana yang telah berlaku dalam kes *Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman lwn. Datin Fauziah Haron* [2008] 7 MLJ 779 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. *Subject matter* yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak dalam kes ini adalah berkenaan undang-undang amanah. YA Hakim menyifatkan meskipun dihujahkan oleh pihak defendant bahawa kes ini sepatutnya dibicarakan oleh Mahkamah Syariah kerana ia melibatkan isu pemberian hibah, Mahkamah Sivil lebih berhak mendengar kerana ia adalah isu yang sama dan tidak dapat diasingkan. Menurut YA Hakim, sekiranya diterima bahawa kes ini terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, ia masih tidak dapat dipindahkan ke Mahkamah Syariah kerana akan timbul isu berbangkit bahawa pemberian tersebut dibuat berdasarkan amanah bukan hibah.

Begitu juga dalam kes *SMASJ lwn SSSMJ* (10000-040-0041-2015) yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, perayu telah tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak tuntutan perayu untuk mengisyiharkan harta yang diberikan oleh arwah ibu mereka. Isu utama yang dibicarakan adalah berkenaan perkara pokok (*subject matter*) dalam kes ini iaitu sama ada transaksi yang berlaku adalah amanah atau pemindahan hak milik. Hakim Syarie dalam kes ini memutuskan bahawa persoalan mengenai amanah wujud atau tidak hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil. YA hakim berhujah bahawa meskipun Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk mendengar persoalan mengenai amanah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai 1, Senarai Persekutuan, perenggan (e)(i), (ii) dan Senarai 2, Senarai Negeri perenggan 1, perlu diingat bahawa

terdapat akta lain yang turut mengikat persoalan amanah iaitu Akta Pemegang Amanah 1949. Akta ini terpakai kepada semua orang di Malaysia tanpa mengira kaum, Islam atau tidak. Oleh itu, YA hakim memutuskan bahawa persoalan mengenai amanah hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil terlebih dahulu sebelum persoalan harta pusaka ditentukan di Mahkamah Syariah.

Senario yang berlaku dalam kedua-dua kes ini membuktikan kedudukan undang-undang amanah mana yang lebih terpakai dalam perundangan Malaysia. Meskipun kes-kes tersebut berkait dengan undang-undang harta orang Islam yang sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Syariah, kewujudan akta-akta amanah dalam perundangan sivil menghalang institusi kehakiman tersebut menggunakan kuasanya. Adalah amat mendukacitakan sekiranya hal-hal yang berkaitan orang Islam tidak dibicarakan di institusi yang lebih relevan apatah lagi sekiranya panel YA Hakim bukan dari kalangan muslim, pastinya akan menghasilkan keputusan dan natijah penghakiman berbeza.

Oleh itu, terma amanah yang diperuntukkan dalam Senarai Negeri perlulah diperincikan merangkumi harta amanah orang Islam. Sekiranya terdapat kes yang akan datang penulis berpendapat kes tersebut masih tidak dapat dibicarakan di Mahkamah Syariah meskipun melibatkan harta orang Islam. Perkara ini merupakan satu kerugian kepada institusi kehakiman syariah ke arah menaikkan institusi tersebut dipandang tinggi oleh masyarakat seterusnya menjadikan institusi itu lebih terkehadapan dalam menangani kes-kes berkaitan harta amanah orang Islam.

Ketidak selaras pelaksanaan amanah dalam industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam juga berpunca daripada ketiadaan undang-undang yang boleh dijadikan panduan merangkumi kriteria pemegang amanah, kuasa yang ada bagi pemegang amanah serta perkara-perkara yang boleh diamanahkan menurut perundangan Islam.

Akta Pemegang Amanah 1949 masih bersifat umum untuk dijadikan panduan berkaitan harta amanah orang Islam. Begitu juga Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 yang memberikan kuasa kepada badan tersebut untuk mentadbir dan menguruskan harta amanah harus disemak semula khususnya dalam konteks harta amanah orang Islam (Abdullah Muhamad 2006). Kuasa mentadbir perbadanan tersebut termasuklah melakukan urus niaga harus dinilai menurut syarak bagi memastikan harta amanah orang Islam diperakukan dengan jalan yang sah menurut perundangan Islam.

## AMANAH MENURUT ISLAM

Amanah dalam perundangan Islam tidak mempunyai satu terma yang khusus yang merangkumi rukun dan syarat-syarat yang tertentu. Ianya satu sifat luaran yang wujud kesan daripada pembentukan akad. Dalam bahasa yang mudah amanah dalam Islam tidak dibentuk melalui majlis akad muamalah tertentu yang memerlukan seseorang sebagai pembentuk akad. Namun, untuk mengatakan amanah bukanlah satu kontrak juga tidak tepat kerana pembentukan amanah memerlukan persetujuan dan perjanjian di antara pihak pembuat amanah dan pemegang amanah (Nasrul Hisyam 2011). Persetujuan dan perjanjian tersebut tidak mungkin diperoleh melainkan adanya seorang pembuat amanah, pemegang amanah serta harta amanah.

Umumnya amanah dalam Islam terbentuk kesan daripada pembentukan akad. Dalam sesetengah keadaan, amanah tidak wujud pada asalnya namun disebabkan beberapa faktor, amanah dengan sendirinya terbentuk. Hal ini seperti seorang penjual yang telah menjual barangannya secara sempurna tetapi pembeli meminta untuk memegang harta tersebut sehingga ia *diqabd* (Ahmad Hidayat Buang 2006) dalam keadaan ini secara tidak langsung penjual merupakan pemegang amanah.

Secara perciannya penggunaan istilah amanah dalam istilah fiqh dapat dilihat dari dua makna yang berbeza (al-Wizārah al-Awqaf 2005):

1. Amanah yang bermaksud sesuatu yang diletakkan di sisi seseorang yang dipercaya (*al-amin*). Pengertian ini merangkumi beberapa perkara termasuklah:
  - i. Akad yang mana amanah merupakan maksud asal kepada pembentukannya seperti *wadi'ah* dan *wiṣōyah*. Ini kerana *wadi'ah* adalah harta yang diletakkan kepada seseorang untuk menjaganya. Konsep *wadi'ah* adalah lebih khusus berbanding amanah yang mana setiap *wadi'ah* adalah amanah tetapi bukanlah setiap amanah adalah *wadi'ah* (*al-Qalyuby t.th.*).

Begitu juga *wiṣōyah*, pembentukan *wiṣōyah* berdasarkan kepada amanah. Seseorang yang dilantik menjadi wasi merupakan pemegang amanah dalam melaksanakan segala urusan yang telah dipersetujui ketika akad dibuat.

- ii. Akad yang mempunyai amanah sebagai sebahagian daripada akad atau diistilahkan *tabi'* akad seperti *ijārah*, *‘āriah*, *muḍarabah*, *sharikah* dan *al-rahnu*.

iii. Sesuatu yang membentuk amanah tanpa memerlukan akad seperti *luqatoh*. Sebagai contoh kain yang diterbangkan oleh angin sehingga masuk ke dalam rumah jirannya. Maka ia dinamakan sebagai amanah *shar'iyyah* (al-Sharbini 1978; Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah 2010).

2. Amanah yang berbentuk sifat. Hal ini merangkumi beberapa perkara antaranya:
  - i. *Bay' al-amānah* seperti akad *murabahah*.
  - ii. Dalam isu pemberian kuasa, sama ada kuasa tersebut bersifat umum seperti *qadhi* atau khusus seperti *nazir wakaf* dan *wasiat*.
  - iii. Digunakan juga dalam permasalahan sumpah apabila seseorang menggunakan perkataan sumpah yang merujuk kepada sifat amanah Allah SWT.

Di samping itu, pelantikan pemegang amanah dalam Islam juga boleh wujud melalui beberapa akad yang sememangnya amanah merupakan tujuan dan matlamat asal pembentukannya seperti *wadi'ah*, *wakālah* dan *wiṣōyah* (al-Wizārah al-Awqāf 2005). Ketiga-tiga bentuk pengamanahan ini boleh diaplikasikan sebagai instrumen amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam dan mempunyai konsep pelaksanaan yang berbeza. Oleh yang demikian, setiap produk amanah yang ingin dibentuk mestilah mematuhi segala peraturan yang berada di bawah akad yang diaplikasikan. Kriteria pemegang, penerima serta harta amanah mestilah mematuhi segala perundangan yang ditetapkan dibawah setiap konsep yang digunakan bagi membolehkan segala hak dan kesan akad diiktiraf oleh syarak. Hal ini secara tidak langsung membezakan konsep amanah Islam dan amanah menurut undang-undang sivil. Dalam undang-undang sivil umumnya tidak terdapat peraturan tertentu bagi mana-mana individu untuk menjadi pemegang amanah tanpa mengira agama dan kedudukan seseorang selagi mana undang-undang tidak menghalangnya berbuat sedemikian.

Oleh kerana ketiga-tiga konsep amanah ini mempunyai pelaksanaan dan hukum yang berbeza, maka pemfokusan hanya diberikan kepada amanah yang terbentuk daripada akad *wakālah* dan *wiṣōyah* sahaja kerana dua bentuk amanah ini umumnya memberikan kuasa kepada pemegang amanah untuk melakukan *taṣarruf* atau urus niaga terhadap harta amanah. Kuasa tersebut menjadikan konsep amanah lebih fleksibel dan amat sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks semasa.

### PEMBENTUKAN AMANAH MELALUI *WAKĀLAH*

*Wakālah* merupakan salah satu akad muamalah yang bersifat sumbangan yang dianjurkan oleh Islam bagi membantu manusia menguruskan kehidupan dengan lebih teratur. Pensyariatan *wakālah* memenuhi keperluan manusia kerana tidak semua perkara boleh dilakukan secara sendirian. Apabila seseorang menerima untuk menjadi wakil terhadap sesuatu urusan, secara tidak langsung dia merupakan pemegang amanah terhadap harta dan urusan yang diwakilkan. Para fuqaha sepakat mengatakan wakil adalah pemegang amanah ke atas setiap harta dan urusan yang berada di bawah tanggungjawabnya (al-Wizārah al-Awqāf 2005).

Konsep amanah dalam akad *wakālah* boleh diaplikasikan dengan pemilik harta atau pembuat amanah (*settlor*) meminta agensi amanah atau mana-mana individu yang layak menjadi wakil pihaknya bagi menguruskan hartanya semasa hidup dalam apa jua bentuk transaksi atau urusan. Agensi amanah sebagai wakil yang menerima perwakilan tersebut adalah pemegang amanah yang akan menguruskan harta pembuat amanah berdasarkan terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. Dalam senario ini, penyerahan kuasa mentadbir kepada pemegang amanah atau wakil bagi pihak yang lain menerusi akad *wakālah* mewujudkan pegangan harta secara amanah. Pegangan ini tidak menjadikan harta tersebut berpindah milik kepada pemegang amanah iaitu wakil sebagaimana dalam peraturan *wakālah* yang asal. Justeru pembuat amanah masih mempunyai hak ke atas harta amanah termasuklah melakukan sebarang transaksi, membatalkan amanah dan sebagainya.

Pegangan wakil terhadap harta amanah juga adalah sama seperti kedudukan seorang *wādi* iaitu berkonseptan *yad al-amānah*. Ini bererti pemegang amanah tidak dikenakan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang kerosakan terhadap harta amanah melainkan kecuaian daripadanya.

Pengamanahan yang dibuat melalui konsep *wakālah* mestilah memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan syarak antaranya (al-Sharbini 1978; al-Nawawi 2012; Ibn Qudamah t.th.):

1. Pemegang amanah mestilah seorang yang layak untuk melakukan urus niaga.
  2. Pemegang amanah hanya mempunyai kuasa melakukan *tasarruf* berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh pembuat amanah semasa akad dibuat.
  3. Pemegang amanah tidak boleh menyerahkan urusan amanah kepada orang lain untuk dilaksanakan melainkan ia tidak mampu.
  4. Harta amanah mestilah milik sempurna pembuat amanah dan wujud ketika amanah dibuat.
  5. Urusan amanah merupakan urusan yang boleh diwakilkan kepada orang lain seperti transaksi kewangan dan selain daripada perkara ibadah badaniah.
- Pengamanahan akan tamat apabila berlaku kematian kepada salah satu pihak yang berakad seperti pembuat amanah meninggal dunia (al-Zuhayli 2014). Ini bermakna konsep amanah yang dilaksanakan berdasarkan *wakālah* hanya berkuat kuasa semasa hayat pembuat amanah sahaja. Amanah juga akan terbatal apabila berlakunya beberapa perkara seperti (Kamaruddin Awang Mat 2014):
1. Pemegang amanah atau pembuat amanah menarik diri. Dalam situasi ini pembuat amanah mempunyai hak untuk memberhentikan wakilnya atau pemegang amanah.
  2. Pemegang atau pembuat amanah terkeluar daripada keahlian untuk bertasarruf seperti gila, murtad, muflis dan *safīh*.
  3. Pemegang amanah melakukan perbuatan pecah amanah seperti menjual harta amanah atau seumpamanya.
  4. Pemegang amanah melakukan perkara diluar batas yang dibenarkan oleh pembuat amanah.
- Apabila perkara-perkara seperti ini berlaku, amanah dengan serta mertanya terbatal dan segala *taṣarruf* atau urusan yang dilaksanakan oleh pemegang amanah tidak diiktiraf syarak. Pemegang amanah hendaklah mengembalikan harta amanah sebagaimana pada permulaan akad dan diwajibkan ganti sekiranya harta tersebut telah rosak disebabkan kecuaian daripadanya (al-Wizārah al-Awqāf 2005).
- Selain itu, berdasarkan konsep *wakālah*, amanah boleh dibatalkan oleh pembuat amanah pada bila-bila masa melainkan terdapat dalam surat ikatan amanah yang menyatakan sebaliknya. Hal ini kerana *wakālah* merupakan akad sumbangan yang bersifat tidak lazim (al-Wizārah al-Awqāf 2005). Bentuk amanah ini memberikan kelebihan kepada pembuat amanah jika ia melihat keperluan untuk membatalkan amanahnya meskipun tanpa mendapat persetujuan daripada penerima dan pemegang amanah (al-Bahūtiyy t.th; al-Nawāwi 2012; al-Sharbini 1978). Walau bagaimanapun, dalam konteks semasa penulis berpendapat adalah lebih baik jika dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak-pihak

yang berkepentingan untuk membatalkan amanah bagi menjaga kemaslahatan pihak yang terlibat apatah lagi apabila ia melibatkan perundangan sivil.

Pengamanahan melalui *wakālah* juga merangkumi beberapa perkara yang lain seperti (al-Zuhayli 2012; al-Sharbini 1978; Ibn Qudamah t.th.; al-Wizārah al-Awqāf 2005):

1. Pembuat amanah boleh melantik beberapa orang sebagai pemegang amanah. Dalam konteks semasa syarikat amanah yang mewakili urusan orang Islam boleh melantik beberapa pemegang amanah yang lain sekiranya ia melihat kepada keperluan tersebut.
2. Pemegang amanah boleh mengenakan caj perkhidmatan berdasarkan keharusan mengambil upah dalam akad *wakālah*.
3. Pembatalan pemegang amanah dan melantik pemegang amanah yang baru diharuskan kerana akad *wakālah* adalah bersifat tabarrū'c sama ada *wakālah* berupah ataupun tidak.
4. Pemegang amanah tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya kepada orang lain melainkan dengan keizinan pembuat amanah.

Dalam konteks semasa, konflik yang berlaku dalam hibah amanah adalah pelaksanaannya yang menimbulkan kekeliruan, ianya seakan-akan menyerupai *waṣiat* kerana penerima amanah atau *beneficiary* hanya menerima manfaat harta hibah selepas kematian pemberi hibah. Pada masa yang sama pemberi hibah masih boleh mengawal dan mengambil manfaat daripada harta hibah pada masa hidupnya (Akmal Hidayah, Tajul Arif Ahmad Bustami 2017). Hal ini menafikan konsep asal hibah iaitu pemberian semasa hayat seseorang di samping untuk mengikis sifat kedekut dalam jiwa.

Walau bagaimanapun, amanah yang dilaksanakan melalui konsep *wakālah* boleh mengatasi isu seperti ini apabila penerima amanah menerima harta hibah, kemudian membuat akad baru dengan mewakilkan pemegang amanah untuk mengurus tadbir harta hibah sehingga salah satu tempoh yang tertentu.

#### PEMBENTUKAN AMANAH MELALUI *WIṢŌYAH*

*Wiṣōyah* merupakan salah satu bentuk pengamanahan dalam Islam. Konsep *wiṣōyah* mempunyai hubungan secara langsung dengan akad *wakālah*. Kedua-dua konsep tersebut merupakan bentuk pemberian kuasa kepada seseorang yang lain untuk melakukan urusan

baginya. Namun yang membezakan keduanya adalah waktu pelaksanaannya iaitu *wakālah* dilaksanakan ketika hayat pewakil manakala *wiṣōyah* dilakukan selepas kematian pembuat amanah. Dapat dikatakan *wiṣōyah* juga merupakan bentuk perwakilan untuk melakukan urusan yang berkuat kuasa selepas kematian.

Pada asalnya, *wiṣōyah* adalah pelantikan pemegang amanah untuk mentadbir dan menguruskan hal ehwal orang yang tiada kelayakan (*al-qāsir*) selepas kematian pembuat amanah (al-Zuhayli 2014). Golongan yang tiada kelayakan dalam konteks ini adalah seperti kanak-kanak, orang gila dan anak yatim. Berdasarkan konsep asalnya, peramanahan melalui *wiṣōyah* hanya terhad kepada urusan berkaitan ini sahaja, namun penggunaannya boleh diperluaskan kepada maksud pengamanahan yang lebih luas seperti menguruskan kanak-kanak, melangsangkan hutang, menyerahkan barang simpanan dan seumpamanya (al-Khin et. al 2013).

Scara kasar konsep *wiṣōyah* ini menyerupai amanah atau *trust* dalam undang-undang sivil, namun pelaksanaannya mestilah mengikut rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Apabila seseorang menerima untuk menjadi *wāsi*, menjadi tanggungjawabnya untuk melaksanakan segala urusan yang diserahkan kepadanya. Dalam perundangan Islam seorang *wāsi* dianggap pemegang amanah terhadap segala urusan yang berada di bawah tanggungjawabnya. *Wāsi* hendaklah melaksanakan segala urusan yang diamanahkan kepadanya berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pembuat amanah semasa hayatnya.

Berbeza dengan undang-undang sivil pemegang amanah melalui *wiṣōyah* hendaklah mematuhi beberapa perkara seperti berakal, baligh, merdeka, adil dan seorang yang Islam (al-Sharbini 1978; Ibn Qudamah t.th.). Berdasarkan syarat ini, seorang *wāsi* non-muslim tidak boleh menjadi *wāsi* kepada orang Islam terhadap apa-apa urusan. Hal ini kerana syarak tidak mengiktiraf kedudukan seorang kafir untuk melakukan transaksi (al-Qurtuby 1967) berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisa' ayat 4.

Justeru, syarikat-syarikat amanah yang bukan milik orang Islam tidak boleh menjadi *wāsi* atau pemegang amanah bagi urusan orang Islam umumnya melainkan keadaan darurat dan seumpamanya. Perbezaan yang ketara ini harus dipandang serius oleh masyarakat Islam kerana syarak tidak mengiktiraf sebarang pemilikan atau transaksi yang berlaku yang bercanggah dengan undang-undang Islam.

Pembentukan amanah melalui *wiṣōyah* juga merangkumi beberapa perkara yang lain seperti (al-

Zuhayli 2012; al-Sharbini 1978; Ibn Qudamah t.th.; Nasrul Hisyam 2012):

1. Amanah hanya berkuatkuasa selepas kematian pembuat amanah.
2. Pemegang amanah tidak boleh menarik diri selepas berlaku kematian kepada pembuat amanah. Penarikan diri oleh pemegang amanah hanya dibenarkan semasa hayat pembuat amanah.
3. Pelantikan pemegang amanah boleh terdiri daripada dua orang atau lebih.
4. Pemegang amanah hanya mempunyai tanggungjawab melaksanakan urusan amanah berdasarkan ketetapan yang dibuat dalam tawaran sahaja.
5. *Waṣi* tidak boleh menyerahkan tugas pengamanahan kepada orang lain.
6. Arahan melaksanakan urusan pengamanahan hendaklah dibuat secara jelas sama ada melalui tulisan atau dokumentasi, ucapan dan sebagainya.

Daripada perbincangan di atas, dua bentuk akad boleh diaplikasikan sebagai instrumen amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam iaitu, melalui konsep *wakālah* dan *wiṣōyah*. Kedua-dua konsep ini merupakan pemberian wilayah atau kuasa kepada pemegang amanah yang membolehkannya mengurus dan menjaga harta amanah bagi pihak yang lain. Hal ini termasuklah melakukan urus niaga terhadap harta amanah. Namun kedua-dua bentuk pengamanahan ini mempunyai beberapa perbezaan hukum dari sudut pelaksanaannya seperti:

1. Amanah dalam *wakālah* adalah bentuk pengamanahan semasa hidup yang hanya berkuat kuasa sepanjang hayat pembuat amanah sahaja manakala amanah dalam *wiṣōyah* adalah pengamanahan selepas kematian pembuat amanah.
2. Pemegang amanah melalui *wakālah* dibenarkan untuk menarik diri semasa hayat pembuat amanah. Adapun konsep *wiṣōyah*, pemegang amanah tidak lagi dibenarkan menarik diri selepas kematian pembuat amanah bagi menjaga maslahat pembuat amanah.
3. Pembatalan amanah boleh dilakukan oleh pembuat amanah dengan memberhentikan pemegang amanah tetapi kuasa tersebut berpindah kepada pemerintah dalam pengamanahan melalui *wiṣōyah*.

Ringkasnya, pembentukan amanah sebagai instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam

mestilah diteliti menggunakan konsep yang sesuai dengan keadaan dan keperluan pembuat amanah. Syarikat-syarikat amanah perlulah memastikan konsep amanah yang diaplikasikan dalam setiap produk amanah benar-benar mematuhi syarak seterusnya membolehkan harta amanah orang Islam diperlakukan dengan sah. Menjadi tanggungjawab setiap pemegang amanah untuk melaksanakan tugas amanah yang diberikan kepadanya sebaik mungkin tanpa melihat jenis amanah yang dibentuk serta mengelak daripada sebarang perilaku pecah amanah yang boleh merugikan semua pihak sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 58.

Intisari ayat tersebut, Allah SWT menyuruh manusia untuk menyerahkan amanah kepada ahlinya dan hendaklah berlaku adil dalam setiap hukuman tanpa mengira kedudukan dan sebagainya. Menurut al-Ghazali (2013) ulama tafsir mengatakan ayat 58 surah al-Nisa' mencakupi perkara-perkara asas agama tanpa membezakan antara pemimpin atau tidak. Isi kandungannya merupakan ibu segala hukum hakam yang merangkumi keseluruhan perintah agama dan syarak termasuklah dalam perkara harta, keadilan dalam menghukum, pengaksian dan ibadah seperti solat, puasa, haji dan sebagainya (al-Qurtuby 1967; al-Tabari 2001).

Kewajipan ini juga digariskan dalam undang-undang sivil yang diamalkan hari ini (Salleh Buang 2006):

the trustee must act with diligence, obey the trust instrument, not deviate from its terms, observe the rules concerning investment, keep accounts, act impartially, must not (unless otherwise expressly authorised) make any profits from position as trustee.

Oleh demikian, pemegang amanah hendaklah menjalankan tugas pengamanannya dengan tekun dan penuh kesungguhan agar matlamat dan tujuan pengamanahan dibuat tercapai. Hubungan dan perbezaan di antara amanah yang dibentuk menerusi perundangan sivil dan perundangan Islam perlu diberi perhatian kerana kedua-duanya saling berkait rapat.

## KESIMPULAN

Instrumen amanah sememangnya diiktiraf oleh undang-undang sivil dan terpakai ke atas semua masyarakat termasuklah orang Islam. Kewujudan akta dan enakmen negeri yang berkaitan dengannya masih bersifat umum untuk dijadikan garis panduan. Tambahan pula, akta yang ada pada hari ini digubal

berdasarkan prinsip ekuiti dan perundangan Inggeris. Ianya tidak terbina mengikut asas dan acuan syarak yang kukuh untuk dijadikan panduan berkaitan pengamanahan harta orang Islam. Pengamanahan dalam perundangan Islam merangkumi beberapa perkara kesan daripada pembentukan akad. Pada asalnya konsep amanah tidak dibicarakan oleh para fuqaha dalam satu perbincangan khusus. Namun, amanah boleh wujud dalam akad seperti *wadi'ah*, *wakālah* dan *wiṣōyah*. *Wakālah* dan *wiṣōyah* merupakan bentuk akad pengamanahan dalam Islam yang boleh diaplikasikan sebagai instrumen amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. Oleh kerana itu, setiap pelaksanaannya mestilah menepati peraturan-peraturan yang berada di bawahnya yang ditetapkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, konsep amanah melalui *wakālah* hanya berkuatkuasa semasa hayat pembuat amanah manakala amanah melalui *wiṣōyah* terlaksana selepas kematian pembuat amanah. Dengan kata lain, pengamanahan semasa hidup boleh diaplikasikan melalui konsep *wakālah* dan *wiṣōyah* adalah pengamanahan selepas kematian. Pihak industri perlulah peka dalam menawarkan produk-produk amanah yang sesuai dengan keadaan dan situasi pembuat amanah di samping memastikan setiap pelaksanaannya mematuhi kehendak syarak. Penggubalan undang-undang yang lebih terperinci berkaitan harta amanah orang Islam perlulah dibuat agar pelaksanaannya lebih selaras dan sistematik.

#### RUJUKAN

- Al-Qurān al-Karim.
- Abdullah Muhamad. 2006. Pengamanahan harta orang Islam di Malaysia, Dlm. Siti Mashitoh Mahmood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, hlm. 123. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Bahūti, Mansur bin Yunus bin Salahuddin bin Hassan bin Idris. t.th. *Kassyaful al-Qina "an Matn al-'Iqna'*. Jil 3-4. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazāli, Abu Hamid. 2013. *Mukāsyafah al-Qulūb*. Terjemahan oleh Solahuddin al-Ashani, Pustaka al-Ehsan, Selangor.
- Ahmad Hidayat Buang. 2006. Pembentukan dan pentadbiran harta amanah menurut perspektif undang-undang Islam, Dlm. Siti Mashitoh Mahmood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, hlm. 51. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Akmal Hidayah Halim, Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. Pelaksanaan hibah amanah sebagai satu instrumen pengurusan harta di Malaysia. *Jurnal Kanun*. Jil. 29. Bil 2 (90-115).
- Haji Salleh Buang. 2006. Pembentukan harta amanah mengikut undang-undang di Malaysia: sejauh manakah undang-undang Islam terpakai, Dlm. Siti Mashitoh Mahmood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, hlm. 43. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamaruddin Awang Mat. 2014. *Pelaksanaan Konsep dan Amalan Wakālah bi Ajr Dalam Perniagaan Jualan Langsung Berbilang Tingkat*. Tesis Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bughā, Ḩāfiẓ Abī al-Sharbājī. 2013. *Al-Fiqh al-Minhāj 'alā Madhab al-Imam al-Shafī'i*. Jil. 3. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Juz. 5,6. Beirut: Lubnan Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah. 2010.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-Undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor Bahru. UTM.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2012. *Wasiat dan Wisayah dalam Perancangan Harta, Prinsip dan Amalan*. Selangor: Reka Cetak Sdn. Bhd.
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Syaraf. 2012. *Raudhah al-Thalibin*. Jil 4-5. Dimasyq: Dar al-Faihā'.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2012. Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah* 2(3): 309-328.
- Nurul Huda Abdullah. 2012. *Pelaksanaan Hibah Amanah di CIMB Trustee Berhad dan Amanah Raya Berhad*. Tesis Sarjana Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qalyubi, Syihib al-Din. *Hasyiah 'ala Syarh Jalal al-Din al-Mahalli 'ala Minhaj al-Thalibin*. Jil 2. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Qurtuby. Muhammad bin Ahmad. 1976. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*. Jil. 5, 14. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1978. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'anī Alfaz al-Minhaj*. Jil 2-3. Dar al-Fikr.
- Al-Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islamiyyah. 2005. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Jil 25, 45. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa Syu'un Islamiyyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 2012. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil 4. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Noor Lizza Mohamed Said  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ihsan  
lizza@ukm.edu.my

Wan Amirul Adli Wan Ayub  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ihsan  
amiruladli9402@gmail.com

Mohd Zamro Muda  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ihsan  
zamro@ukm.edu.my

Adnan Mohamed Yusoff  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai Negeri Sembilan  
Malaysia  
adnan@usim.edu.my

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ihsan  
izhar@ukm.edu.my

